

Headline	Teruskan legasi perniagaan bapa		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	13 May 2018	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	160,000
Page No	44	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	774 cm <sup>2</sup>
Journalist	Nur Sharieza Ismail	AdValue	RM 13,203
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,609



# Teruskan legasi perniagaan bapa

**Jenama Innni kekal unggul dalam kelasnya tersendiri**

NURSHARIEZA ISMAIL

**M**ENGAMBIL alih legasi perniagaan yang diperturunkan Allahyarham bapanya, Ungku Mohd Ariff Ungku Mohd Tahir terus mengorak langkah memajukan produk perencah serba guna di bawah jenama Innni menerusi syarikat Umarial Enterprise.

Kini, menyusun strategi perniagaan dalam usaha melebarkan sayap niaga, syarikat komited mencari pasaran baharu demi memastikan produk keluarannya tetap utuh di hati pelanggan.

Meskipun, sebelum ini jenama perencah makanan Innni hanya menembusi pasaran terhad dan bermodalkan sederhana, namun kehebatannya jelas terbukti apabila ia mampu bertahan lebih 30 tahun.

Keluaran produk perencah serba guna bagi makanan yang diasaskan pada 1986 ini, boleh dikatakan berada di landasannya sendiri.

Ungku Mohd Zubir menunjukkan produk perencah serba guna jenama Innni keluaran syarikat Umarial Enterprise.



Keistimewaannya terletak pada penghasilan produk menerusi bahan-bahan yang diformulasikan menjadikan ia berada pada kedudukannya tersendiri sehingga kini.

Ungku Mohd Zubir berkata, perencah serba guna jenama Innni kurang dikenali dan ia dipasarkan dalam pasaran yang sangat terhad.

"Namun begitu, setelah saya mengambil alih perniagaan daripada arwah bapa, saya perlu mula merangka beberapa perancangan untuk mengembalikannya semula kegemilangan produk perencah ini seperti mana ketika arwah bapa mengusahakan satu masa dahulu.

"Jika dahulu, tanpa pemasaran pun produk ini boleh dijual. Malah, orang dahulu boleh berhutang dan perencah makanan serba guna ini tetap menjadi pilihan ramai. Tetapi zaman berubah kini.

"Kiranya, saya perlu bermula daripada bawah semula. Dari segi mencari prospek pemasaran dan pelanggan



Penjenamaan semula pembungkusan produk perencah serba guna jenama Innni, yang diasaskan semenjak 1986.

baharu dengan lebih meluas, supaya jenama perencah Innni ini masih mendapat tempat dalam kalangan pembeli.

"Dalam masa sama, saya perlu menyusun dan mentransformasikan semula strategi pemasaran perniagaan bagi mengukuhkan jenama ini agar terus menjadi antara jenama yang disukai ramai," katanya.

## Mula ceburi perniagaan

Menurutnya, sebelum beliau melibatkan diri bagi meneruskan perniagaan yang diusahakan Allahyarham bapanya itu, dia masih lagi meneruskan pengajian.

Beliau yang memiliki kelulusan dalam bidang kejuruteraan automatik dari Bolton Institut, United Kingdom ini berkata, selepas tamat pengajian, beliau bekerja sementara sebagai mekanik di bengkel sekitar Desa Pandan dan Gombak.

"Ketika itu, tidak terfikir langsung akan masuk dalam dunia perniagaan kerana minat lebih ke arah automatik.

"Tetapi malangnya, saya tidak mempunyai kerja tetap dan hanya bekerja di bengkel sebagai mekanik. Lama-kelamaan saya berfikir, takkan saya mahu berkeadaan macam ini (tidak mempunyai pekerjaan tetap).

"Kemudian saya mulai menemani arwah bapa berjumpa pelanggan. Saya akui, saya tidak mempunyai ilmu mengenai pengurusan perniagaan.

Bagaimanapun, arwah bapa yang banyak mengajar saya selok-belok perniagaan.

"Lama-kelamaan saya fikir, kenapa tidak saya meneruskan



Ungku Mohd Zubir menunjukkan produk perencah serbaguna jenama Innni keluaran syarikat Umarial Enterprise.

perniagaan yang sudah ada ini, cumanya perlu diperkembangkan dari segi pemasaran dan mengukuhkan lagi operasi syarikat.

"Setelah pemergian bapa tercinta, saya memasang niat meneruskan legasi perniagaan di bawah syarikat ini, sepertimana yang diharapkan oleh arwah bapa," katanya.

## Innni tukar pembungkusan baharu

Bakal menembusi pasaran Singapura, jenama Innni tampil dengan pembungkusan baharu.

Menurut Ungku Mohd Zubir, bagi memenuhi syarat ditetapkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), pembungkusan produk ini telah diperbaharui.

"Sebelum ini, pembungkusannya dalam bentuk persekutuan (Fama), pembungkusan produk ini telah diperbaharui.

sepertimana yang dikehendaki.

Katanya, perencah serba guna jenama Innni ini boleh digunakan untuk masakan, antaranya seperti nasi goreng, sup, bubur dan sayur-sayuran.

## Optimis jenama Innni kekal jadi pilihan

Beliau berkata, pihaknya optimis jenama Innni terus menjadi pilihan ramai sepertimana ketika kegemilangannya dahulu.

"Ini bertepatan dengan moto syarikat iaitu 'Mudah, Cepat, Sedap, Jimat'.

"Apa yang penting adalah kita perlu berusaha, mengatur strategi bagi memastikan produk yang dihasilkan secara turun temurun ini kekal kukuh.

"Meskipun saya akui tidak mampu bersaing dengan jenama perencah makanan temama, berlainan. Namun, bagi penuhi syarat ditetapkan, perencah serba guna ini melalui proses-proses